

PENANDA ARAS DALAM PENENTUAN KADAR GAJI PENJAWAT AWAM MENURUT ISLAM

BENCHMARK IN DETERMINING THE SALARY RATE OF PUBLIC SERVANTS ACCORDING TO ISLAM

Siti Zubaidah Ramli*

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Mohd Azam Yahya

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Noor Azizah Jakaria

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Mohamad Nazli Omar

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Norizan Samri

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: sitizubaidah@unimel.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 14 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Ramli, S.Z., Yahya, M. A., Jakaria, N. A., Omar, M. N. & Samri, N. (2025). Penanda Aras Dalam Penentuan Kadar Gaji Penjawat Awam Menurut Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 178-189.

ABSTRAK

Perkhidmatan awam merupakan tunjang utama pentadbiran negara dan memainkan peranan penting dalam menjayakan pembangunan serta kesejahteraan masyarakat. Penetapan kadar gaji dan upah penjawat awam bukan sahaja melibatkan pertimbangan ekonomi dan pentadbiran, malah turut berkait rapat dengan prinsip keadilan, kebajikan dan integriti sebagaimana yang ditekankan dalam Islam. Artikel ini

bertujuan menganalisis penetapan kadar gaji dan upah penjawat awam di Malaysia dengan merujuk kepada kerangka perundangan sedia ada serta perspektif Islam berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak ulama. Perbincangan meliputi struktur perkhidmatan awam, pengenalan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), kedudukan pendapatan penjawat awam dalam konteks sosioekonomi negara, serta prinsip-prinsip asas penentuan gaji dan upah menurut syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap peruntukan perlembagaan, pekeliling perkhidmatan, laporan rasmi kerajaan dan sumber-sumber fiqh Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan penetapan gaji penjawat awam di Malaysia secara umumnya selari dengan prinsip Islam, khususnya dari aspek keadilan, kecukupan sara hidup, ketelusan kadar upah dan tanggungjawab majikan terhadap pekerja. Kesimpulannya, pelaksanaan sistem saraan penjawat awam oleh Kerajaan Malaysia menepati tuntutan syariah dan menyumbang kepada kestabilan ekonomi serta kesejahteraan penjawat awam secara menyeluruh.

Kata kunci: kadar gaji, penjawat awam, fiqh

ABSTRACT

The public service constitutes the backbone of national administration and plays a vital role in ensuring development and societal well-being. The determination of salary and wage rates for public servants involves not only economic and administrative considerations but is also closely related to the principles of justice, welfare, and integrity as emphasized in Islam. This article aims to analyse the determination of salary and wage rates for public servants in Malaysia by referring to the existing legal framework and the Islamic perspective based on the Qur'an, the Sunnah, and scholarly consensus (ijmā'). The discussion encompasses the structure of the public service, the introduction of the New Public Service Remuneration System (SBPA), the income position of public servants within the national socio-economic context, and the fundamental principles of wage and salary determination according to Shariah. This study adopts a qualitative approach through document analysis of constitutional provisions, service circulars, official government reports, and Islamic jurisprudential sources. The findings indicate that the practice of determining public servants' salaries in Malaysia is generally aligned with Islamic principles, particularly in terms of justice, adequacy of livelihood, transparency in wage determination, and employers' responsibility towards employees. In conclusion, the implementation of the public service remuneration system by the Malaysian Government complies with Shariah requirements and contributes to economic stability and the overall well-being of public servants.

Keywords: salary rate, public servants, fiqh

1.0 PENGENALAN

Peruntukan mengenai perkhidmatan awam dijelaskan di bawah Fasal 1, Perkara 132, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut “Bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, perkhidmatan awam ialah i. Angkatan Tentera, ii. Perkhidmatan kehakiman dan perundangan, iii. Perkhidmatan awam am Persekutuan, iv. Pasukan polis, v. Dimansuhkan, vi. Perkhidmatan awam bersama, vii. Perkhidmatan awam setiap satu negeri dan viii. Perkhidmatan pelajaran. Dalam konteks tersebut, perkhidmatan awam persekutuan meliputi perkhidmatan awam am persekutuan, perkhidmatan pelajaran, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan polis dan anggota tentera. Manakala perkhidmatan bersama adalah perkhidmatan di mana pengisian pegawai boleh dibuat oleh persekutuan tetapi perjawatannya dipunyai oleh negeri yang berkenaan (Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam).

Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) pada tahun 2011 bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah berkuatkuasa sejak tahun 2002¹. Pelaksanaan ini melibatkan struktur perkhidmatan yang merangkumi skim perkhidmatan, syarat perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan dan persaraan serta faedah persaraan. Struktur perkhidmatan di bawah SBPA adalah terbahagi kepada empat kumpulan perkhidmatan iaitu Kumpulan Premier², Kumpulan Pengurusan Tertinggi³, Kumpulan Pengurusan dan Profesional⁴, dan Kumpulan Pelaksana⁵.

2.0 PENJAWAT AWAM

Penjawat awam di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori iaitu penjawat awam persekutuan dan penjawat awam negeri. Kuasa melantik penjawat awam persekutuan adalah terletak di bawah bidang kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong manakala penjawat awam sesuatu negeri adalah di bawah Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Badan yang membuat pengambilan pula dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang terdiri daripada Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pasukan Polis, dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam). Berdasarkan definisi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, penjawat awam merupakan tenaga kerja yang dilantik dibawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sama ada secara tetap,

¹ Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai perkhidmatan Persekutuan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011.

² Kumpulan Premier merupakan lapisan teratas dalam Struktur Perkhidmatan Awam yang menyandang atau memegang *strategies and key positions*.

³ Kumpulan Pengurusan Tertinggi terdiri daripada Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas. Jawatan Utama dimaksudkan sebagai jawatan di peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang berperanan strategik menerajui jentera pengurusan organisasi sesebuah kementerian, jabatan dan agensi. Manakala jawatan Gred Khas pula ditetapkan berdasarkan pengiktirafan tahap kepakaran dan pengalaman pegawai yang tidak melaksanakan peranan ataupun tugas yang bersifat pengurusan dan strategik.

⁴ Kumpulan Pengurusan dan Profesional berperanan seperti Kumpulan Pengurusan Tertinggi tetapi pada gred jawatan rendah sebelum melonjak kepada kenaikan pangkat.

⁵ Kumpulan Pelaksana diperkenal bagi menggantikan Kumpulan Sokongan. Lapisan gred bagi Kumpulan Pelaksana adalah mengikut kelayakan masuk minimum seperti ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Kelayakan masuk minimum ke perkhidmatan awam ditetapkan pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR).

kontrak dan pinjaman. Perjawatan penjawat awam diurustadbir oleh SPA sebagaimana yang termaktub dalam perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajipan Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidangkuasanya” (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, diakses pada 2 November 2016).

Penjawat awam merupakan nadi utama sebagai agen transformasi kejayaan sesebuah negara. Pembangunan dan kejayaan Negara bergantung besar dengan kecekapan, moral dan kesungguhan penjawat awam dalam melaksanakan perintah-perintah am kerajaan. Cogankata cekap, cepat serta berintegriti menjadi tonggak amalan penjawat awam dalam pelaksanaan misi dan visi kerajaan seterusnya meningkatkan prestasi perkhidmatan awam dari semasa ke semasa. Kerajaan telah lama cuba untuk menerapkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti serta berintegriti dalam negara ini melalui pengenalan beberapa dasar dan polisi yang berkaitan mulai dengan melancarkan kempen Bersih, Cekap dan Amanah pada 1982, kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada 1983, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam pada 1985, Etika Kerja Islam pada 1987, Budaya Kerja Cemerlang pada 1989, Anugerah Kualiti pada 1990, Piagam Pelanggan pada 1993, e-kerajaan dan MS ISO 9000 pada 1996, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2002, petunjuk prestasi utama (KPI) dan Islam Hadhari pada 2005 dan lain-lain langkah lagi.

Selain pelaksanaan dasar dan polisi, pihak kerajaan juga mengeluarkan banyak pekeliling perkhidmatan awam bagi memberi garis panduan kepada setiap penjawat untuk membudayakan sikap integriti dalam melaksanakan sesuatu tugas atau amanah yang diberikan kepada mereka seperti Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam. Bil. 1. 2008, Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam. Bil. 1 2009, Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam, Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 2, 1996, Panduan Melaksanakan ISO 9000: 2000, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5, 2007. Panduan Pengurusan Pejabat dan lain-lain lagi (Utusan online, diakses pada 31 Mac 2017). Jumlah penjawat awam dalam pelbagai gred bermula gred 11⁶ hingga gred tertinggi di Malaysia pada tahun 2015 adalah seramai 1, 268, 758 ; di mana 542 910 daripada mereka adalah lelaki dan 725, 848 adalah wanita. Pekerja kumpulan sokongan daripada gred 1 hingga 40 merupakan yang teramai iaitu seramai 762 781 orang, kumpulan pengurusan dan profesional seramai 501 953 orang dan seramai 4 024 daripada kumpulan pengurusan tertinggi bermula gred jusa c dan ke atas (Kementerian Sumber Manusia, 2016 : 21).

⁶ Penggelasan gred jawatan/ gred gaji dikemas kini selaras dengan pembentukan Jadual Gaji Sebaris (JGS) yang menggantikan Jadual Gaji Matriks (JGM) dan pemansuhan gred jawatan/ gred gaji 1 hingga 10.

3.0 PENDAPATAN PENDUDUK MALAYSIA

Pada pembentangan bajet 2016, Kerajaan Malaysia telah mengklasifikasikan kumpulan pendapatan penjawat awam kepada tiga golongan iaitu bawah 40 (B40)⁷, pertengahan 40 (M40)⁸ dan atasan 20 (T20)⁹. Kerajaan menumpukan kepada golongan sasar B40 dan M40 iaitu berhasrat untuk menggandakan pendapatan bagi dua golongan ini menjelang tahun 2020¹⁰. Meninjau kepada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 2014, purata pendapatan kasar bulanan bagi penduduk Malaysia adalah RM 6 141 di mana pecahan purata pendapatan penduduk Malaysia di bandar adalah RM 6 833 dan luar Bandar adalah RM 3 831 (Data Asas Malaysia, 2014).

Sebuah rumah akan dikira miskin sekiranya pendapatan mereka di bawah paras garis kemiskinan (PGK). PGK ditentukan berdasarkan kos keperluan asas yang meliputi tiga komponen iaitu keperluan makanan dan keperluan bukan makanan. Pada tahun 2014, Indikator PGK untuk semenanjung Malaysia adalah RM 930 sebulan. Sementara PGK untuk Sabah dan Sarawak pula masing-masing RM 1 170 dan RM 990. Terdapat juga indikator PGK yang berasingan di antara kawasan bandar dengan luar bandar, PGK bandar untuk semenanjung adalah RM 940 dan luar bandar adalah RM 870. PGK bagi kawasan bandar di Sabah adalah RM 1 160 dan Sarawak pula adalah RM 1 040 manakala PGK luar bandar di Sabah adalah RM 1 180 dan luar bandar di Sarawak adalah RM 920 (Zulkipli Omar, diakses pada 11 Mac 2017). Berdasarkan kepada pernyataan tersebut, menunjukkan bahawa pendapatan bulanan bagi penduduk negeri Melaka adalah terkeluar daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) dan mampu berbelanja mengikut pendapatan bulanan mereka.

4.0 PENDAPATAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA

Berdasarkan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang dilaksanakan pada tahun 2011, penggelaran gred jawatan / gred gaji dikemaskini selaras dengan pembentukan Jadual Gaji Sebaris (JGS) bagi menggantikan Jadual Gaji Matriks (JGM) dan pemansuhan gred jawatan / gred gaji 1 hingga 10. Struktur gaji dalam JGS mempunyai ciri-ciri seperti ; matagaji mengikut susunan Tangga (T) dalam sebaris pada setiap gred gaji, bilangan tangga (T) yang sama di gred gaji yang sama dalam semua Klasifikasi Perkhidmatan dan Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang sama bagi setiap gred yang setaraf dalam semua Klasifikasi Perkhidmatan dengan pola peningkatan KGT lebih baik berbanding gred lebih rendah. Pergerakan Gaji Tahunan pula berdasarkan kepada satu Pergerakan Gaji Biasa sahaja dan diberikan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi yang baik dalam perkhidmatan. Pegawai yang

⁷ Kumpulan B40 ialah pendapatan 40 % dibawah iaitu isi rumah dengan pendapatan bulanan sehingga RM3,855, laporan ini diambil dalam laporan bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober 2016.

⁸ Kumpulan M40 ialah pendapatan 40 % sederhana iaitu isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM3,860 hingga RM8,319, laporan ini diambil dalam laporan bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober 2016.

⁹ Jumlah pendapatan yang melebihi daripada jumlah gaji bagi kategori M40

¹⁰ Laporan daripada Unit Perancang Ekonomi Negara bagi tahun 2014, pendapatan kasar bulanan bagi T20 adalah RM 14 305, pendapatan bagi M40 adalah RM 5 662 dan pendapatan bagi B40 pula adalah RM 2 537.

tidak mencapai prestasi yang diharapkan tidak layak menikmati Pergerakan Gaji Tahunan pada tahun yang dinilai¹¹.

Pada tahun 2016, pihak kerajaan telah menetapkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) dalam Perkhidmatan Awam pada gred 11 iaitu RM 1 200 sebulan dan penambahbaikan Jadual Gaji Minimum dan Maksimum (JGMM). Pada tahun 2016 juga, penjawat awam menikmati faedah pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)¹². Penetapan gaji minimum yang tinggi yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu di dunia kerana ianya telah mula diperkatakan sejak abad ke-19 sebelum Australia dan New Zealand menjadi Negara pertama yang menggubal akta yang berkaitannya pada tahun 1890-an. Definisi gaji minimum ini dari sudut ekonomi ia biasanya adalah kadar gaji ditetapkan lebih tinggi berbanding kadar gaji semasa. Pelaksanaan gaji minimum dikatakan boleh mengurangkan kadar kemiskinan dengan meningkatkan kuasa beli golongan miskin melalui peningkatan kadar gaji (Afif Abdullah, 2010). Dengan penetapan gaji minimum dan imbuhan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan kini, telah meningkatkan kuasa membeli dalam kalangan penjawat awam dan seterusnya memungkinkan mereka tidak perlu membuat pinjaman peribadi untuk kesinambungan hidup.

5.0 PENETAPAN KADAR GAJI DAN UPAH PENJAWAT AWAM

Dalam Islam, terdapat dalil yang jelas dalam al-Quran dan hadis mengenai amalan pengurusan dan pentadbiran gaji serta upah. Amalan penentuan dan pemberian upah dan gaji ini juga telah dipraktik secara meluas dalam pemerintahan Islam. Islam mewajibkan pihak majikan untuk membayar gaji dan upah dengan ganjaran yang bersesuaian dengan pekerjaan yang dilakukan (Ishak Abd Rahman et al, 2004). Jumhur ulama bersepakat mengharuskan pemberian upah ini yang bertepatan dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah (Al-Zuhayli, Wahbah (1985, jil. 5 : 3801). Antara dalil-dalil tersebut adalah seperti berikut :

i. Al-Quran

Surah *al-Talāq* (65 : 6) :

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ¹³

Surah *Ali-`Imrān* (3 : 195) :

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى¹⁴

¹¹ Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai perkhidmatan Persekutuan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011.

¹² Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, *Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia*.

¹³ Maksudnya "Maka jika mereka menyusukan (anak-anak) untuk kamu maka berikanlah kepada mereka upahnya"

¹⁴ Maksudnya "Maka Allah memperkenankan permohonannya (dengan berfirman): "Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amalan orang-orang yang beramal di antara kamu dari lelaki atau perempuan"

Surah *al-Taubah* (9 : 105) :

وَسْتَزِدُّونَ إِلَىٰ عَالِمٍ ۖ وَقُلْ اْعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ
وَالشَّهَادَةُ فِي نَبِيِّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ¹⁵

ii. Hadis

Hadis Qudsi riwayat Abu Hurairah RA :

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى ثَلَاثَةٌ أَنَا خَصْمُهُمْ يَوْمَ
رَجُلٌ أَعْطَى بِي ثُمَّ غَدَرَ وَرَجُلٌ بَاعَ حُرًّا فَأَكَلَ ثَمَنَهُ وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا
مِنْهُ وَلَمْ يُعْطِهِ أَجْرَهُ¹⁶

Riwayat Ibn Umar RA :

أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَ عَرَقُهُ¹⁷

Riwayat Abu Hurairah RA dan Abu Sa'id al-Khudri :

مَنْ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَلْيُعْلَمْ أَجْرَهُ¹⁸

iii. Ijmak

Para ulama telah bersepakat bahawa keharusan dalam pemberian upah telah berlaku sejak zaman sahabat lagi. Akad upah diqiaskan dengan keharusan akad jual beli di mana akad jual beli adalah untuk pertukaran barang manakala akad upah adalah untuk pertukaran manfaat (Al-Zuhayli, 1985, jil. 5 : 3802-3803).

Dengan dalil-dalil yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa Islam amat memberi penekanan terhadap pemberian gaji dan upah kepada pekerja dengan mengambilkira beberapa faktor iaitu kesesuaian upah mengikut kesesuaian pekerjaannya serta jumlah upah yang boleh memberi kehidupan yang baik kepada mereka. Berpandukan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah di atas pula, pekerja juga berhak mengetahui kadar upah terhadap kerja yang dilakukan.

¹⁵ Maksudnya : “Dan katakanlah : Bekerjalah kamu, maka Allah, para rasul dan orang-orang beriman melihat terhadap pekerjaan yang kamu lakukan itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang maha mengetahui perkara yang gahib dan nyata, maka akan diberitahu terhadap apa yang telah kamu kerjakan”

¹⁶ Al-Bukhari : 2227, *Bāb itmi ian bā'a hurrā*. Maksudnya : *Daripada Nabi SAW bahawa Allah SWT bersabda “Tiga golongan yang menjadi musuh Ku di akhirat kelak iaitu orang yang berjanji dengan Ku tetapi ia tidak tunaikan, orang yang memakan hasil jualan orang merdeka dan orang yang tidak membayar upah kepada pekerja”.*

¹⁷ Al-Zaila'i, (1995), *Bāb al-ijārāh*, jil. 5, hlm. 274. Maksudnya : “Berilah kepada pekerja itu upah (gaji) sebelum kering peluhnya”

¹⁸ Al-Zaila'i, (1995), *Bāb al-ijārāh*, jil. 5, hlm. 274. Maksudnya : “Barangsiapa yang diupah, hendaklah dia mengetahui upahnya”

Secara umumnya, pelaksanaan pemberian gaji di Malaysia adalah terikat dengan akta-akta yang telah ditetapkan agar adanya suatu perundangan yang mengikat perjanjian antara majikan dan pekerja. Menurut Akta Kerja 1955, gaji didefinisikan sebagai segala bayaran tunai yang harus dibayar kepada pekerja kerana kerja yang dilakukan berkait dengan kontrak perkhidmatan. Manakala upah atau gaji menurut Akta Majlis Upah 1947 merupakan bayaran bagi perkhidmatan bagi seseorang pekerja. Akta Kerja 1955 turut menjelaskan bahawa upah ertinya upah pokok dan semua pembayaran lain dengan wang tunai kepada seseorang pekerja bagi kerja yang dilakukan berdasarkan kepada kontrak perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak (Ishak Hj. Abd Rahman et al, 2004). Bagi penjawat awam pula, penetapan gaji penjawat awam mengikut kepada ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan berasaskan kepada prosedur yang tertentu. Asas penetapan struktur saaraan adalah berpandukan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 dan Sistem Saraan Baru (1992) (Buku Maklumat Skim Perkhidmatan 2010). Terdapat 6 prinsip umum yang ditetapkan bermula daripada pelaksanaan Laporan JKK 1976 dan Sistem Saraan Malaysia iaitu :

- i. Kadar upah mengikut jenis kerja dan tanggungjawab. Kadar ini disesuaikan mengikut perkhidmatan, jawatan dan prestasi anggota.
- ii. Kelulusan akademik dan kemahiran diambilkira sebagai faktor penentuan tingkatan upah.
- iii. Ketetapan gaji juga mengambilkira kecukupan untuk menyara keperluan hidup seperti makanan, pakaian dan perumahan. Walaupun begitu, penentuan ini akan dilihat daripada sudut prestasi ekonomi negara, kedudukan perjawatan yang kritikal dan galakan kepakaran.
- iv. Kemunasabahan upah yang diterima bagi jawatan yang setaraf di pasaran.
- v. Mengaplikasikan prinsip relativiti dan prioriti dalam skim perkhidmatan yang sama mahupun dengan skim perkhidmatan yang berlainan.
- vi. Pengasingan upah dengan badan-badan berkanun tertentu dengan melihat prestasi kewangan masing-masing.

Oleh itu, penetapan kadar upah perkhidmatan awam adalah ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan dengan mengambilkira faktor-faktor di atas. Prestasi ekonomi negara dan kecukupan saaraan hidup harian penjawat awam seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal menjadi antara faktor utama dalam pengagihan upah tersebut disamping kelayakan akademik dan kemahiran individu. Mengikut perkiraan pihak kerajaan bahawa gaji dan upah yang diperuntukkan kepada semua golongan penjawat awam adalah munasabah mengikut ekonomi semasa dan menepati kriteria setiap peringkat dan gred.

Maka, terdapat empat perkara yang boleh disimpulkan berdasarkan kepada signifikan antara dalil-dalil syarak dengan amalan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan Malaysia iaitu :

- i. Golongan majikan (Kerajaan Malaysia) dan pekerja (penjawat awam) adalah dua golongan yang mempunyai tanggungjawab masing-masing dan saling memerlukan di antara satu dengan yang lain. Penjawat awam

melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan Kerajaan Malaysia bertanggungjawab memberikan hak-hak pekerja seperti gaji dan perlindungan.

- ii. Gaji yang diberikan adalah bersesuaian dengan kadar ekonomi semasa serta kelayakan penjawat awam berdasarkan tahap akademik dan pengalaman. Kadar gaji tersebut juga adalah berpatutan dan munasabah dalam menampung kehidupan seharian penjawat awam serta mampu untuk membuat simpanan. Kerajaan juga telah menetapkan kadar gaji permulaan terendah penjawat awam adalah RM 1200 yang dapat membantu menaiktaraf kehidupan golongan gred terendah (Bajet 2016).
- iii. Penjawat awam juga mengetahui terhadap kadar upah dan gaji yang diterima oleh mereka berdasarkan skim-skim perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013.
- iv. Gaji yang diterima oleh penjawat awam adalah berdasarkan pembayaran bulanan di mana mereka akan menerima upah pada sebelum akhir setiap bulan. Dalam kes-kes tertentu, penjawat awam akan menerima gaji lebih awal daripada tarikh kebiasaan berpandukan kepada keperluan mereka seperti menyambut hari-hari perayaan. Ini berpandukan kepada hadis riwayat Ibn Umar agar diberikan upah kepada pekerja dengan kadar yang secepat mungkin.

Justeru, pengamalan penetapan dan pemberian gaji yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia terhadap penjawat awam bertepatan dengan saranan daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Sumbangan Pengarang

Ramli, S. Z., Yahya, M. A., Jakaria, N. A., Omar, M. N. & Samri, N.; menulis dan menyiapkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara bersama.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanannya di Malaysia*, JAKIM : Kuala Lumpur.

Abdul Halim el-Muhammady (2012), *Undang-undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-produk Perbankan Islam*, Aras Mega Sdn Bhd, Kajang : Selangor.

Abdul Karim Zaidan (2009), *Al-Madkhal li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Muassasah al-Risālah al-Nāsyirūn : Beirut : Lubnan.

Abdul Karim Zaidan (1993), *Al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh, Dār al-Tauzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah* : Mesir.

Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail (1993), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār Ibnu Kaṣīr : Damsyiq.

Al-Haitami, Ibnu Hajar (t.t.), *Tuḥfah al-Muḥtāj*, Dār Iḥyā' al-'Arabīy : _____.

Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (1404H -1427H), Wizārah al-Awqāf wa Syu'ūn al-Islāmiyyah : Kuwait.

Al-Naisaburi, Abu Abd Allah Muhammad (1998), *Al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥain*, Dār al-Ma'rifah : Beirut.

Al-Naisaburi, Muslim Bin al-Hajjaj (t.t.), *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūl Allāh SAW*, Dār Iḥyā' Turāṣ al-'Arabī : Beirut.

Al-Nasa'i, Abu Abdul Rahman (1986), *al-Sunan al-Ṣuḡhrā li al-Nasā'ī*, Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.

Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad al-Ansari (t.t.), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, Dār al-Fikr : Beirut.

Al-Qurtubi (t.t.), *Tafsīr al-Qurṭubī*, Dār al-Fikr : Beirut.

Al-Sabuni, (1973), *Tafsīr Ibnu Kaṣīr*, Dār al-Qur'ān al-Karīm : Beirut.

Al-Sajastani Al-Azdi (1994), *Sunan Abī Dā'ūd*, Al-Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah : Beirut.

Al-Suyuti et al (t.t.), *Tafsīr al-Jalālain*, Dār al-Ḥadīṣ : Kaherah, cet. 1.

Al-Tirmizi, Muḥammad Bin 'Isā (1998), *Sunan Al-Tirmizī*, Dār al-Gharb al-Islamīy : Beirut.

Al-Zahabi (1996), *Siyar al-'Alām al-Nubalā'*, Muassasah al-Risālah : Beirut, jil. 1, cet 11.

Al-Zaila'i, Jamaluddin Abd Allah (1995), *Naṣb al-Rāyah fi Tahrīj ahādīs al-Hidāyah*, Dar Hadis : Beirut, cet. 1.

Al-Zarqani, Muhammad Bin Abd al-Baqi (2003), *Syarh al-Zarqānī 'alā Muwattā' al-Imām Mālik Bin Anas*, Maktabah al-Ṣaqāfah al-Dīniyyah : Kaherah.

Al-Zuhayli, Wahbah (1985), *Al-Fiqh al-Islāmīy wa Adillatuh*, Dār al-Fikr : Beirut.

Al-Zuhayli, Wahbah (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmīy*, Dār al-Fikr : Damsyiq, jil. 1.

Al-Zuhayli, Wahbah (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmīy*, Dār al-Fikr : Damsyiq, jil. 2.

Ahmad Kamri Abd Mubi et al. (t.t.), *Konsep Keperluan Menurut Islam*,

Haryani Abdul Hamid et al. (2015), *Hutang Isi Rumah dan Upah Benar*, Prosiding PERKEM : UKM, jld. 10, hlm. 547-557.

Ibn Kathir (1999), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah : Beirut, cet. 1.

- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Ilām al-Muwaqqi'īn 'an Rab al-'Ālamīn*, Dār al-Kutūb al-Islāmiyyah : Beirut.
- Ibn Manzur (1993), *Lisān al-'Arb*, Dār Ṣādir : Beirut.
- Ibn Taimiyyah (1995), *Majmū' al-Fatāwā*, Majma' al-Malik al-Fahd li Ṭibā'at al-Maṣḥaf al-Syarīf : Madinah.
- Ishak Hj Abd Rahman et al. (2004), *Pentadbiran Gaji dan Upah Menurut Perspektif Islam – Satu Tinjauan Umum*, Ulum Islamiyyat, vol.3 No. 1.
- JAKIM (2015), *Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*.
- Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam : Panduan Kepada Pegawai Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Kementerian Sumber Manusia (2016), *Statistik Pekerjaan dan Perburuhan*, siri 8, bil. 2/2016.
- Laporan Kewangan Bank Negara (2003), *Sistem Kewangan Islam*, Lihat www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2003/cp05.pdf, diakses pada 16 September 2016.
- Laporan Kewangan dan Kestabilan Sistem Pembayaran 2014, Bank Negara Malaysia
- Laporan Kewangan dan Kestabilan Sistem Pembayaran 2016, Bank Negara Malaysia
- M. Jasni Majid (2017), *Memahami Kesan Kos Sara Hidup*, Utusan Malaysia bertarikh 3 April 2017.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2016), *Fiqh al-Biah & Kepentingannya Dalam Kerangka Maqasid Syari'ah*, Muzakarah Pakar : Ulama dan Alam Sekitar : Kewajaran Fiqh al-Bi'ah, IKIM : Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (t.t), *Maqasid Syariah Sebagai Pendekatan Bagi Realisasi Ajaran Islam di Malaysia : Satu Prospek*.
- Malike Bin Brahim (t.t.), *“Yang Menurut Perintah-Nilai Penjawat Awam, Jabatan Pengurusan Awam : Universiti Utara Malaysia*
- Mohammad Ikmal Kadir (t.t), *Pendapatan, Perbelanjaan dan Kebajikan Isi Rumah*,
- Mohd Yusof Saari, *Kesan Harga Makanan Pengaruhi Kos Sara Hidup*, Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan : Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Fazli Sabri, *Jurang Si Kaya, Si Miskin*, bertarikh 31 Oktober 2014.
- Mustafa al-Khin et al. (1996), *Al-Fiqh Al-Manhajī 'alā Mazhab Al-Imām Syāfi'ī*, Dār al-Qalam : Damsyiq
- Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 11 Tahun 2011
- Salasiah Hanim Hamjah et al. (2016), *Tinjauan Awal Gaya Hidup dan Amalan Spiritual Dalam Kalangan Profesional Muslim*, Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS)
- Statistik Pekerjaan dan Perburuhan, Kemneterian Sumber Manusia, siri 8, bil 2/2016, Jun.
- Saiful Azhar Rosly (2005), *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*, Dinamas Publishing : Kuala Lumpur
- Surtahman Kastin Hasan (1993), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur
- Yusuf al-Qardhawi (2015), *Fatwa Kontemporari*, PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd. : Selangor, jil. 1, siri 2.

- Zaharuddin Abd Rahman (2014), *Fiqh Kewangan Islam*, PTS Islamika Sdn. Bhd. : Selangor.
- Zaharudin Abd Rahman (2010), *Contracts & The Products of Islamic Banking*, CERT Publication : Kuala Lumpur.
- Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam Halal dan haram Dalam Kewangan dan Perbankan*, True Wealth Sdn. Bhd. Selangor, Malaysia.